

Tidak mungkin berlarutan jika...

Oleh BUSTAMAM AHAD
dan NORAINI ISMAIL

SEREMBAN, Isnin — Krisis pemilihan Datuk Kelana (Undang Luak Sungai Ujong) tidak mungkin berlarutan selama empat tahun jika Dewan Keadilan dan Undang Negeri tidak menolak cadangan Exco Kerajaan Negeri Sembilan untuk membukukan perlembagaan mengenai aturan adat di semua Luak.

Tokoh sejarah dan politik Negeri Sembilan, Tan Sri Samad Idris, berkata saranan itu pernah beliau kemukakan kepada Exco Kerajaan Negeri pada 1965 dan ia sudah diper-setujui.

"Malangnya apabila cadangan itu dikemukakan kepada Dewan Keadilan ia ditolak begitu sahaja," katanya di majlis pelancaran bukunya, *Takhta Kerajaan Negeri Sembilan* oleh Menteri Besar, Datuk Haji Mohd Isa Abdul Samad, di sini hari ini.

Tan Sri Samad berkata, ramai tidak faham tujuan membukukan adat dan sese-tengah daripada mereka berpendapat apabila adat sudah dibuku, ia bukan adat lagi.

"Sebenarnya adat tidak dibukukan dahulu kerana ramai pengamal adat tidak tahu menulis. Adat sebenarnya boleh berubah-ubah, yang tidaknya ialah kitab suci al-Quran," katanya.

Menurutnya, disebabkan kurangnya fakta yang lengkap, ramai tidak tahu bahawa isu perlantikan Datuk Kelana yang berlaku sekarang adalah untuk memilih Undang yang

ke-15, bukannya ke-10 seperti dilaporkan oleh akhbar-akhbar.

Beliau juga berkata, selain menghadapi masalah fakta sejarah yang kurang lengkap, generasi sekarang juga kurang mendapat maklumat mengenai tokoh-tokoh yang berjasa di negeri ini.

"Zainal Abidin Ahmad atau Pendita Zaa-ba adalah anak Melayu pertama diiktiraf sebagai seorang pendita dalam persuratan Melayu dan beliau adalah anak Negeri Sembilan.

Maklumat

"Ramai lagi tokoh yang seharusnya dikenang tetapi hilang begitu sahaja kerana ketiadaan maklumat sejarah mengenai mereka," tambahnya.

Untuk mengatasi masalah kekurangan bahan-bahan sejarah itu, Tan Sri Abdul Samad akan menubuhkan jawatankuasa penyelarasan mengkaji semua fakta berkaitan sejarah Negeri Sembilan.

"Cadangan ini sudah mendapat perhatian penulis-penulis veteran negeri dan pencinta sejarah. Menteri Besar, Datuk Haji Mohd Isa sudah menyatakan sokongannya untuk turut membantu melaksanakan projek ini," kata beliau.

Mengenai buku *Takhta Kerajaan Negeri Sembilan* yang dilancarkan hari ini, Tan Sri Samad berkata, ia adalah edisi kedua dan dicetak semula kerana mendapat permintaan daripada pelajar universiti tempatan dan Indonesia.